Pandan Maju Sdn Bhd v Dulon Industries Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R3-11-89-94
LOW HOP BING H
4 JULAI 1995

Acara Sivil *— Rayuan — Notis rayuan — Sama ada notis rayuan patut difailkan di mahkamah rendah atau Mahkamah Tinggi*

Bantahan awal dalam kes ini menimbulkan soalan sama ada notis rayuan dalam Borang 140 daripada keputusan seorang majistret yang difailkan di mahkamah majistret adalah sah dan teratur.

Diputuskan, menolak bantahan awal itu:

Borang 140 secara nyata mencatatkan bahawa notis rayuan harus dikemukakan kepada pendaftar, mahkamah sesyen atau mahkamah majistret (yang berkenaan) dan ini menunjukkan bahawa notis rayuan itu perlu dan wajib difailkan di mahkamah sesyen atau mahkamah majistret (yang berkenaan) dan bukannya di Mahkamah Tinggi. Dalam kes ini, pendaftar, mahkamah majistret mempunyai kuasa untuk menerima notis rayuan berkenaan pada ketika ianya difailkan.

Per curiam:

Sekiranya perayu, di samping memfailkan di mahkamah majistret notis rayuan dalam Borang 140, telah dengan serentak atau dalam tempoh 14 hari yang dihadkan untuk pemfailan notis rayuan tersebut, memfailkan, menyerahkan, menyampaikan, menghantar ataupun mendepositkan satu salinan notis rayuan kepada pendaftar, Mahkamah Tinggi, maka kakitangan di dalam Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi memang tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menolaknya. Sama ada tindakan yang diambil oleh perayu dalam Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi teratur atau tidak, merupakan satu soalan undang-undang dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi selepas mendangar hujah-hujah, dan kuasa ini tidak harus dijalankan oleh kakitangan di Pejabat Pendaftaran dengan secara terus dan ringkas.

[English summary

The preliminary objection in this case raised the question whether a notice of appeal in Form 140 from the decision of a magistrate which was filed in the magistrate's court was valid and proper.

Held, dismissing the preliminary objection:

Form 140 clearly states that the notice of appeal should be presented to the registrar, sessions court or magistrate's court

(whichever applicable) and this shows that the notice of appeal must necessarily be filed in the sessions court or magistrate's court (whichever applicable) and not in the High Court. In this case, the registrar, magistrate's court had the power to receive the said notice of appeal when it was filed.

Per curiam:

If an appellant, besides filing the notice of appeal in Form 140 in the magistrate's court, had simultaneously or in the 14 days limited for the filing of the notice of appeal, filed, handed over, served, sent or deposited a copy of the notice of appeal to the registrar, High Court, the staff at the High Court Registration Office surely did not have any power to reject it. Whether the action taken by the appellant at the High Court Registration Office was in order or not, was a question of law within the jurisdiction of the High Court after hearing submissions, and this jurisdiction should not be exercised by the staff in the High Court Registration Office in a summary manner.]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai rayuan, lihat 2 *Mallal's* Digest (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 259–699; [1994] *Mallal's Digest* 210–238; [1995] *Mallal's Digest* 105–138.

Undang-undang rujukan

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 49 k 6(2), Borang 140

SA Helmy & Partners bagi pihak perayu/defendan.
Lee & May bagi pihak penentang/plaintif.

Low Hop Bing H: Penentang/plaintif memfailkan tuntutan terhadap perayu/defendan melalui writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 13 Januari 1994 di mahkamah majistret.

Perayu/defendan telah memfailkan pembelaan bertarikh 12 April 1994 terhadap tuntutan penentang/plaintif.

Penentang/Plaintif telah memfailkan satu notis permohonan bertarikh 3 Mac 1994 untuk mendapatkan penghakiman terus terhadap perayu/defendan di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, segala rujukan selepas ini kepada Kaedah-Kaedah adalah rujukan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980).

Majistret yang bijaksana telah membenarkan permohonan penentang/plaintif untuk penghakiman terus terhadap perayu/defendan pada 25 Jun 1994.

Perayu/defendan telah merayu terhadap keputusan tersebut kepada hakim dalam kamar dengan memfailkan satu notis rayuan ('notis rayuan

A tersebut') dalam Borang 140 di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Majistret pada 7 Julai 1994 dan ianya telah didaftarkan sebagai Rayuan Sivil No R3–11–89–94.

Pada 20 Julai 1994 perayu/defendan juga telah memfailkan rekod rayuan yang berkaitan.

B Rayuan tersebut telah ditetapkan untuk pendengaran di hadapan hakim dalam kamar pada 22 Mac 1995 dan pada permulaan pendengaran rayuan tersebut peguamcara penentang/plaintif telah menimbulkan bantahan awal terhadap rayuan tersebut atas alasan bahawa notis rayuan tersebut adalah tidak teratur kerana notis rayuan tersebut telah difailkan di mahkamah majistret dan tidak di Mahkamah Tinggi seperti yang C dikehendaki di bawah A 49 k 6(2).

Pada pendapat perayu/defendan, notis rayuan tersebut adalah sah dan teratur.

Dalam penghakiman saya A 49 k 6(2) adalah relevan dan berbunyi D seperti berikut:

> Rayuan hendaklah dibawa dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam Borang 140 dalam masa 14 hari dari keputusan itu diumumkan, dan menyampaikan satu salinan notis itu kepada tiap-tiap pihak lain dalam prosiding itu dalam masa yang dihadkan bagi pemfailan rayuan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi.

E Di bawah A 49 k 6(2), langkah pertama yang perlu dan wajib diambil oleh pihak perayu adalah pemfailan notis rayuan dalam Borang 140. Borang 140 merupakan notis rayuan tertentu dan di bawah notis rayuan itu jelas dicatatkan seperti berikut:

F
> Kepada:
> Pendaftar, Mahkamah Sesyen di ...
> Pendaftar, Mahkamah Majistret di ...

Oleh yang demikian, Borang 140 secara nyata mencatatkan bahawa notis rayuan harus dikemukakan kepada pendaftar, mahkamah sesyen G atau majistret (yang berkenaan) dan ini menunjukkan bahawa notis rayuan itu perlu dan wajib difailkan di mahkamah sesyen atau majistret (yang berkenaan) dan bukannya di Mahkamah Tinggi.

Sekiranya A 49 k 6(2) memerlukan dan mewajibkan notis rayuan difailkan di Mahkamah Tinggi, maka Jawatankuasa Kaedah-Kaedah pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh s 4 Akta Kaedah- H Kaedah Mahkamah Rendah 1955 harus memperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah tertentu dan mengarahkan penyerahan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi dan mencatatnya dalam Borang 140.

Dalam kes ini walaupun perayu/defendan telah memfailkan notis rayuan tersebut di mahkamah majistret, ini adalah teratur. Di samping itu I untuk mengelakkan kesulitan, peguamcara perayu/defendan telah memfailkan notis rayuan yang sama di Mahkamah Tinggi, tetapi ianya telah ditolak oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi dan perayu telah diarahkan untuk memfailkannya di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Majistret.

Seperti yang dihuraikan di atas, saya berpendapat bahawa notis rayuan tersebut telahpun diterima oleh pihak Pejabat Pendaftaran Mahkamah Majistret dan nombor rayuan juga telah diberikan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Majistret sebagai Rayuan No R3–11–89–94. Malahan tarikh pendengaran rayuan juga telah ditetapkan. Pendaftar mahkamah majistret mempunyai kuasa untuk menerima notis rayuan berkenaan pada ketika ianya difailkan. Penerimaan notis rayuan itu adalah juga teratur.

Untuk mengelakkan dan menghapuskan segala keraguan, sayugia ditambahkan di sini bahawa sekiranya perayu, di samping memfailkan di mahkamah majistret notis rayuan dalam Borang 140, telah dengan serentak atau dalam tempoh 14 hari yang dihadkan untuk pemfailan notis rayuan tersebut, memfailkan, menyerahkan, menyampaikan, menghantar ataupun mendepositkan satu salinan notis rayuan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi, maka kakitangan di dalam Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi memang tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menolaknya. Sama ada tindakan tersebut yang diambil oleh perayu dalam Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi teratur atau tidak, merupakan satu soalan undang-undang dalam bidang kuasa hakim Mahkamah Tinggi selepas mendengar hujah-hujah tertentu dan kuasa ini tidak harus dijalankan oleh kakitangan di Pejabat Pendaftaran dengan secara terus atau ringkas.

Atas alasan tersebut, saya menolak bantahan permulaan ini dan memutuskan bahawa notis rayuan tersebut adalah sah dan teratur sebagai mematuhi A 49 k 6(2). Saya tidak membuat perintah mengenai kos kerana kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa tiada kos akan dituntut oleh mana-mana pihak berasalkan dari keputusan saya. Saya hendak menambahkan bahawa sikap ini adalah terpuji dan harus menjadi teladan kepada peguam-peguam lain dalam keadaan yang sama.

Bantahan awal ditolak.

Dilaporkan oleh Chin En Tek